

ATAS NAMA PERALIHAN

Pelantikan individu yang bukan daripada kalangan ahli keluarga sebagai CEO Genting Berhad menandakan detik bersejarah dalam landskap korporat Malaysia. Walaupun langkah ini wajar dipuji, masih timbul persoalan. Adakah CEO baharu ini benar-benar diberikan kebebasan untuk memimpin dan menjadi contoh kepada peralihan kepimpinan korporat di negara ini?

REVOLUSI TADBIR URUS SEBENAR ATAU SEKADAR SIMBOLIK?

Selama berdekad-dekad lamanya, Genting Berhad sinonim dengan legasi keluarga Lim, sebuah dinasti yang dibina berasaskan kasino, hiburan dan pengembangan global. Diasaskan oleh mendiang Tan Sri Lim Goh Tong, syarikat ini berkembang menjadi salah sebuah konglomerat paling berpengaruh di Malaysia, menguasai sektor kasino, hospitaliti dan pelancongan, malah meluaskan operasi ke dalam bidang tenaga, perladangan dan bioteknologi. Pengaruh keluarga Lim dalam Genting begitu dominan, yang menyaksikan ahli keluarga tersebut memegang jawatan utama dalam kepimpinan syarikat.

Oleh yang demikian, keputusan Tan Sri Lim Kok Thay untuk menyerahkan jawatan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) kepada Datuk Seri Tan Kong Han, seorang eksekutif yang bukan sebahagian daripada ahli keluarga Lim selepas hampir dua dekad menerajui syarikat, merupakan satu detik bersejarah. Namun, Kok Thay masih mengekalkan jawatannya sebagai Pengerusi Eksekutif Genting.

Langkah ini menandakan perubahan besar daripada tradisi kepimpinan yang diterajui ahli keluarga, sekali gus menimbulkan persoalan penting: Adakah Tan benar-benar mempunyai kuasa untuk membuat keputusan atau adakah ia masih dalam kawalan keluarga Lim di belakang tabir?

Perubahan kepimpinan sering kali disambut dengan skeptikal dalam perniagaan yang dikawal oleh keluarga tertentu. Banyak syarikat milik keluarga berdepan kesukaran untuk mengimbangi pengurusan profesional dan pengaruh keluarga, yang sering membawa kepada perebutan kuasa, tempoh pemegangan jawatan yang singkat, serta konflik tadbir urus. Peralihan kepimpinan di Genting berlaku dalam situasi yang mencabar dari segi kewangan dan strategi, menjadikan perubahan ini lebih kritikal.

PRESTASI KEWANGAN DI BAWAH TEKANAN

Genting ialah sebuah konglomerat yang terlibat dalam pelbagai sektor, termasuk kasino, hospitaliti, perladangan, tenaga dan bioteknologi, dengan operasi di Singapura, Amerika Syarikat, dan United Kingdom. Di bawah kepimpinan Kok Thay, Kumpulan ini berkembang secara agresif, mengekalkan dominasi dalam perniagaan kasino dan hiburan, pada masa yang sama meneroka bidang bioteknologi dan tenaga boleh dibaharui.

Bagaimanapun, Kumpulan berdepan cabaran besar dalam tempoh beberapa tahun belakangan ini. Perniagaan kasino dan pelancongannya terjejas teruk akibat pandemik COVID-19, yang menyebabkan pendapatannya merosot dan operasinya terganggu. Tekanan daripada pengawal selia yang semakin ketat serta persaingan dalam industri perjudian turut menambahkan tekanan terhadap model perniagaannya.

Prestasi kewangan terbaru Kumpulan mencerminkan cabaran ini. Bagi suku keempat tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024, pendapatan Genting merosot 5% kepada RM6.88 bilion, dengan EBITDA dilaraskan menyusut kepada RM1.68 bilion. Penurunan ini terutamanya disebabkan oleh prestasi yang lemah dalam Bahagian Rekreasi dan Hospitaliti berbanding dengan tempoh yang sama pada tahun sebelumnya. Selain itu, pengukuhan ringgit berbanding mata wang utama seperti dolar AS, pound sterling dan dolar Singapura turut menjejaskan pendapatan, menyebabkan kerugian bersih suku tahunan sebanyak RM169.38 juta. Inilah kerugian pertama sejak suku keempat tahun 2022, sekali gus mencetuskan kebimbangan pelabur terhadap daya tahan syarikat dalam jangka panjang.

Meskipun berdepan cabaran, pendapatan tahunan bagi 2024 meningkat 2.2% kepada RM27.72 bilion. Namun keuntungan bersih merosot sedikit kepada RM882.95 juta, disebabkan oleh EBITDA diselaraskan yang lebih rendah serta peningkatan kos kewangan.

Prestasi harga saham Genting juga tidak menentu, didagangkan dalam julat RM3.05 hingga RM5.10 sepanjang tahun lalu. Pada 11 Mac 2025, harga sahamnya ditutup pada RM3.24, memberikan nilai pasaran sebanyak RM12.56 bilion. Dengan harga saham kini menghampiri paras terendah dalam tempoh 52 minggu, penganalisis berbelah bahagi. Adakah kemerosotan ini bersifat sementara atau petunjuk kepada kelemahan struktur yang lebih mendalam?

Genting bukan satu-satunya syarikat yang berdepan kesukaran. Beberapa pesaingnya dalam industri kasino dan hospitaliti turut mengalami cabaran yang sama. Las Vegas Sands dan MGM Resorts, dua pesaing utama Genting di peringkat global, turut mengalami kejatuhan akibat pandemik. Namun, kedua-dua syarikat ini mengalami pemulihan yang lebih kukuh, didorong oleh pengembangan digital yang agresif serta mempelbagaian pendapatan daripada aktiviti bukan perjudian. Sebaliknya, pemulihan Genting lebih perlahan, sebahagiannya disebabkan oleh pergantungan yang berterusan kepada segmen perjudian tradisional.

Kini, apabila Tan mengambil alih sebagai CEO, para pelabur bukan sahaja menilai prestasi kewangan tetapi juga dinamik kepimpinan syarikat. Adakah beliau akan diberikan kuasa sepenuhnya untuk melaksanakan pembaharuan strategik, atau sekadar menjadi pemimpin simbolik di bawah pengaruh berterusan keluarga Lim?

Tadbir Urus Korporat Atau Ilusi? Pemegang Kuasa Sebenar Di Sebalik Peralihan Kepimpinan Genting

Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia (*Malaysian Code of Corporate Governance*, MCGG) menggalakkan pemisahan yang jelas antara peranan Pengerusi dan CEO bagi meningkatkan akauntabiliti serta mengelakkan penumpuan kuasa yang berlebihan. Sebelum ini, Kok Thay memegang kedua-dua jawatan itu dalam Genting Berhad, yang

mengukuhkan lagi kawalan keluarga ke atas syarikat. Pemisahan peranan secara rasmi berlaku selepas pelantikan Tan sebagai CEO.

Bagaimanapun, tadbir urus bukan semata-mata tentang struktur, malah ia juga tentang kuasa sebenar. Persoalan utama ialah sama ada perubahan ini benar-benar menandakan peralihan dalam tadbir urus Genting atau sekadar perubahan kosmetik, sedangkan kuasa sebenar masih berada dalam tangan keluarga Lim.

Walaupun menawarkan kestabilan dan visi jangka panjang, Syarikat keluarga sering kali menghadapi cabaran dalam perancangan penggantian, kebebasan lembaga pengarah dan autonomi pengurusan profesional. Dalam banyak kes, CEO yang bukan daripada kalangan ahli keluarga mempunyai kuasa terhad kerana keputusan strategik masih ditentukan oleh keluarga pengasas. Walaupun struktur tadbir urus mungkin kelihatan kukuh, ia tidak semestinya diamalkan sepenuhnya, yang akhirnya menyebabkan konflik dalaman dan halangan dalam tadbir urus syarikat.

Ada beberapa rangka kerja tadbir urus global yang boleh dijadikan panduan oleh Genting dalam peralihan kepimpinannya, sekali gus mengurangkan risiko yang sering dikaitkan dengan pelantikan CEO yang bukan daripada keluarga pengasas dalam syarikat keluarga.

Kod Tadbir Urus untuk Perniagaan Keluarga di Jerman menggalakkan pemisahan antara pemilikan dan pengurusan perniagaan, dengan menekankan kepentingan mewujudkan lembaga penasihat bebas. Lembaga ini, yang dianggotai oleh golongan profesional luar dengan pelbagai kepakaran, berperanan sebagai badan pemantau neutral bagi memastikan keputusan syarikat dibuat demi kepentingan semua pemegang taruh, dan bukannya dipengaruhi oleh kepentingan keluarga semata-mata. Rangka kerja ini juga menekankan kemampuan jangka panjang dengan memastikan proses perancangan penggantian kepimpinan ditetapkan secara jelas dan tidak dibiarkan bergantung pada keputusan dalaman keluarga semata-mata.

Sementara itu, Kod Tadbir Urus Korporat Itali memberikan penekanan yang tinggi terhadap kebebasan lembaga pengarah serta perancangan penggantian kepimpinan yang tersusun, dua faktor utama dalam memastikan peralihan kepimpinan berjalan lancar dalam syarikat keluarga. Kod ini menyokong struktur tadbir urus yang kukuh, yang memberikan kuasa penuh kepada CEO bukan keluarga untuk membuat keputusan strategik tanpa campur tangan daripada ahli keluarga yang mengawal syarikat. Selain itu, kod ini juga mencadangkan supaya syarikat keluarga mempunyai majoriti pengarah bebas dalam lembaga pengarah, bagi memastikan pemantauan korporat dilakukan secara objektif dan profesional.

Begitu juga dengan *Family Business Governance Handbook* yang diterbitkan oleh International Finance Corporation (IFC), yang menekankan kepentingan memisahkan perbincangan yang berkaitan pemilikan keluarga daripada keputusan perniagaan. Ia turut mencadangkan penubuhan majlis keluarga (*family councils*) yang berfungsi sebagai platform rasmi bagi ahli keluarga untuk berbincang tentang pemilikan, penggantian

kepimpinan dan visi jangka panjang, tanpa campur tangan dalam operasi harian syarikat. Pendekatan ini memastikan supaya kepentingan keluarga tetap diiktiraf, namun pada masa yang sama, CEO dan pasukan eksekutif diberikan kuasa penuh untuk melaksanakan strategi yang mendorong pertumbuhan jangka panjang serta memberikan nilai kepada pemegang saham.

Jika Genting ingin membuktikan bahawa perubahan tadbir urusnya bukan sekadar kosmetik, ia perlu menunjukkan komitmen yang jelas terhadap kebebasan profesional, pemantauan lembaga pengarah dan ketelusan.

Mampukah Genting Mengelak Nasib Seperti Syarikat Lain?

Malaysia pernah menyaksikan beberapa syarikat keluarga melantik CEO daripada bukan ahli keluarga pengasas, dengan keputusan yang berbeza-beza. Sebagai contoh, Berjaya Corporation Berhad melantik Jalil Rasheed sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan pada tahun 2021. Namun, tempoh perkhidmatannya cuma bertahan kira-kira setahun sebelum kepimpinan kembali ke tangan eksekutif dalaman, menimbulkan persoalan tentang sejauh mana autonomi yang benar-benar dimiliki oleh pemimpin bukan ahli keluarga dalam syarikat sedemikian.

Sementara itu, PPB Group Berhad, sebuah konglomerat pelbagai sektor yang dikuasai oleh Robert Kuok, telah beralih kepada pengurusan profesional sejak beberapa dekad lalu. Lim Soon Huat dilantik ke dalam Lembaga Pengarah pada tahun 2008 untuk menerajui syarikat, dan di bawah kepimpinannya, PPB Group telah menunjukkan prestasi kewangan yang stabil serta memberikan pulangan yang konsisten kepada pemegang saham.

Dalam kes Genting, pelantikan Tan sebagai CEO bukanlah satu perubahan yang mendadak. Beliau telah lama berkhidmat dalam syarikat, menjadikan peralihannya lebih kepada kesinambungan berbanding rombakan secara besar-besaran. Namun, persoalannya tetap sama iaitu adakah pelantikan ini benar-benar membawa pembaharuan dalam tadbir urus atau sekadar meneruskan status quo?

Saat Penentu untuk Syarikat Keluarga di Malaysia

Peralihan kepimpinan Genting bukan sekadar pertukaran CEO, malah ia adalah ujian penting terhadap evolusi tadbir urus dalam syarikat keluarga di Malaysia. Jika proses ini dilakukan dengan kebebasan sepenuhnya, iaitu Tan benar-benar diberikan kuasa untuk menerajui syarikat, ia boleh menjadi penanda aras baharu untuk peralihan kepimpinan korporat di negara ini. Kejayaan peralihan ini akan menunjukkan bahawa syarikat keluarga mampu menerima kepimpinan profesional tanpa mengorbankan visi jangka panjang mereka, sekali gus meningkatkan keyakinan pelabur serta mendorong reformasi tadbir urus dalam sektor korporat.

Namun, impak perubahan ini tidak terhad kepada Genting sahaja. Kejayaan atau kegagalan peralihan ini mampu membentuk masa depan tadbir urus korporat di Malaysia, sekaligus mempengaruhi syarikat keluarga lain dalam cara menangani isu peralihan kepimpinan pada masa hadapan.

Adakah langkah Genting ini akan mencetuskan gelombang baharu dalam kebebasan korporat, atau ia sekadar membuktikan terdapat batasan dalam reformasi tadbir urus syarikat keluarga yang sudah lama berakar umbi? Dunia korporat sedang memerhati kerana jawapannya akan menentukan sama ada langkah ini benar-benar revolusi tadbir urus sebenar atau perubahan ini sekadar ilusi.

[TAMAT]

PENDEDAHAN KEPENTINGAN

Berkenaan syarikat-syarikat yang dinyatakan, MSWG memiliki jumlah saham minimum dalam semua syarikat yang diliputi dalam buletin ini.

PENOLAKAN TUNTUTAN

Buletin ini dan isi kandungannya berserta semua hak-hak berkaitan dengannya termasuk hak cipta dimiliki oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, juga dikenali sebagai Minority Shareholders Watch Group (MSWG).

Isi kandungan dan pendapat yang dinyatakan di dalam buletin ini adalah berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada domain awam dan bertujuan untuk memberikan maklumat umum kepada pengguna dan adalah untuk rujukan sahaja. Usaha terbaik telah dilakukan untuk memastikan maklumat yang terkandung di dalam buletin ini adalah tepat dan terkini pada tarikh penerbitan. Walau bagaimanapun, MSWG tidak membuat sebarang waranti nyata atau tersirat atas ketepatan atau kelengkapan maklumat dan pendapat yang terkandung di dalam buletin ini. Tiada maklumat di dalam buletin ini yang bertujuan atau patut dianggap sebagai syor untuk membeli atau menjual atau jemputan untuk melanggan sekuriti tertentu, pelaburan yang berkaitan atau mana-mana instrumen kewangan.

MSWG perlu diberikan perakuan bagi mana-mana bahagian buletin ini yang diterbitkan semula.

MSWG tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti atas bergantung kepada sebarang maklumat atau komen yang terkandung di dalam buletin ini atau jika ia diterbitkan semula oleh pihak ketiga. Semua pembaca atau pelabur dinasihatkan supaya mendapatkan nasihat perundangan atau nasihat profesional yang lain sebelum mengambil sebarang tindakan berdasarkan buletin ini.